

- ◆ Maklumat Pemegang Saham (sekiranya ada pertukaran)
 - ◇ Biodata Lembaga Pengarah.
 - ◇ Salinan Borang B (disahkan) atau surat pengesahan penyata cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri.
 - ◇ Kenyataan bukan seorang bankrap.
- ◆ Maklumat Penjamin Agensi (2 orang) (sekiranya ada pertukaran)
 - ◇ Surat pengakuan (persetujuan) menjadi penjamin.
 - ◇ Salinan kad pengenalan.
 - ◇ Salinan Borang B (disahkan) atau surat pengesahan penyata cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri.
 - ◇ Kenyataan bukan seorang bankrap.

3. PERMOHONAN LESEN ENDORSAN (Seksyen 16)

Mana-mana Agensi yang bercadang untuk mengambil seseorang untuk bekerja di luar negara hendaklah terlebih dahulu memohon untuk Lesen Endorsan. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menyertakan Borang 3 dalam 2 salinan.

- ◆ Sebelum mendaftar atau mengambil seseorang untuk bekerja di luar negeri agensi hendaklah mengemukakan butir-butir berikut kepada Pengarah:
 - ◇ Nama dan alamat bakal majikan;
 - ◇ Keterangan mengenai pesanan pekerja-pekerja oleh majikan dari luar negeri;
 - ◇ Kategori pekerjaan dan bilangan pekerja yang diperlukan;
 - ◇ Syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerjaan yang ditawarkan; dan
 - ◇ Contoh perjanjian yang akan ditandatangani oleh majikan dan pekerja tersebut.

4. PERMOHONAN PERTUKARAN PREMIS

- ◇ Surat permohonan pertukaran premis
- ◇ Salinan lesen agensi yang terkini
- ◇ Salinan perjanjian sewaan (*tenancy agreement*) atas nama Agensi Pekerjaan atau bukti pemilikan premis yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah
- ◇ Pelan lokasi
- ◇ Pelan susun atur

5. PERMOHONAN PENUTUPAN AGENSI


Sekiranya sesebuah Agensi ingin menutup Agensi, pemilik hendaklah membuat satu kenyataan dalam surat khabar tempatan memaklumkan tentang pemberhentian agensi supaya pihak-pihak berkenaan membuat tuntutan bersabit dengan urusan Agensi (jika ada) dalam tempoh sebulan dari tarikh iklan. Sila nyatakan juga bahawa tuntutan mereka perlu dibuat melalui Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat.

Setelah tindakan di atas dilaksanakan, dokumen-dokumen berikut hendaklah dikemukakan:

- ◇ Surat permohonan penutupan agensi beserta lesen asal dan lesen endorsan (jika ada endorsan)
- ◇ Keratan kenyataan surat khabar lengkap berkenaan penutupan agensi dalam akhbar tempatan lengkap dengan nama akhbar dan tarikh iklan.
- ◇ Surat Sumpah yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah
- ◇ Resit asal pembayaran Bon Tunai. (jika resit hilang, sila sertakan Bon Ganti Rugi yang telah diisi dengan lengkap dan disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah)
- ◇ Borang Bon Tunai
- ◇ Bukti penutupan agensi dari Suruhanjaya Pendaftar Syarikat

Bagi tujuan pembayaran balik Bon Tunai maklumat berikut hendaklah dikemukakan:

- ◇ Nama dan alamat bank
- ◇ Nombor akaun bank agensi



**JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

AGENSI PEKERJAAN SWASTA



**JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK,
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93532 Kuching.

Tel: 082-242261 / 082-414062

Faks: 082-237051

Emel: jtknsarawak@mohr.gov.my

Laman sesawang: <http://jtkswk.mohr.gov.my>

Keperluan Mempunyai Lesen

Di bawah seksyen 7(1) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, seseorang yang ingin menjalankan urusan sebagai agensi pekerjaan swasta hendaklah mempunyai satu lesen yang sah sebelum memulakan operasi.

SYARAT-SYARAT SEBELUM LESEN BOLEH DIKELUARKAN (Seksyen 9)

Lesen untuk menjalankan urusan Agensi Pekerjaan Swasta hanya boleh dikeluarkan setelah pemohon memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Jika urusan itu hendak dijalankan oleh orang perseorangan, dia adalah warganegara Malaysia.
- (ii) Jika urusan itu hendak dijalankan oleh suatu syarikat, sebahagian besar syer modal syarikat itu dipegang oleh warganegara Malaysia.
- (iii) Jika urusan itu hendak dijalankan oleh satu perkongsian, pekongsi-pekongsi itu adalah warganegara Malaysia.
- (iv) Orang yang bertanggungjawab atas urusan itu dan tiap-tiap pekerja atau agen yang kewajipannya ada kaitan dengan urusan itu:
 - a) Seseorang yang mempunyai kelakuan yang baik;
 - b) Bukanlah seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan
 - c) Tidak disabitkan atas sesuatu kesalahan dan dihukum penjara lebih dari satu (1) tahun atau denda lebih daripada dua ribu ringgit.
- (v) Ada premis yang sesuai.
- (vi) Orang perseorangan atau perkongsian atau syarikat yang hendak menjalankan urusan itu mengakujaji bahawa urusan itu akan dijalankan secara bermoral dan tertib.
- (vii) Setiap agensi pekerjaan yang ingin memohon suatu lesen hendaklah melantik dua (2) orang penjamin bagi menjamin pendaftaran agensi berkenaan dalam bentuk bon jaminan yang bernilai RM5,000.00 bagi setiap penjamin.
- (viii) Apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditetapkan bagi maksud-maksud seksyen ini telah dipenuhi.

Premis Agensi PATUH syarat:

- ◇ Lokasi premis yang sesuai dan mudah dihubungi.
- ◇ Lokasi premis hendaklah di kawasan atau persekitaran yang sesuai.
- ◇ Premis mempunyai kontrak sewaan yang betul, sah dan sahlah atau salinan bukti pemilikan premis yang telah disahkan.
- ◇ Premis hendaklah sesuai dengan perniagaan perkhidmatan pekerjaan.
- ◇ Luas premis adalah sesuai dengan jenis perkhidmatan dan sesuai sebagai sebuah agensi.
- ◇ Susun atur dan peralatan yang sesuai dan munasabah.

Jenis-Jenis Permohonan

1. PERMOHONAN LESEN BARU (Seksyen 8)

Permohonan untuk mendapatkan satu lesen di bawah hendaklah dikemukakan ke mana-mana Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat di mana urusan agensi itu hendak dijalankan. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan disertakan dokumen-dokumen berikut:-

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN

Syarat-syarat untuk memohon lesen adalah seperti berikut:

- i. Syarikat Sendirian Berhad atau Syarikat Berhad yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat;
- ii. Nama syarikat didahului dengan perkataan "Agensi Pekerjaan...";
- iii. Modal berbayar syarikat RM50,000.00;
- iv. Bagi permohonan tidak menggunakan perkataan "Agensi Pekerjaan...", modal berbayar hendaklah sekurang-kurangnya RM500,000.00;
- v. Setiap ahli lembaga pengarah/pemegang syarikat mempunyai rekod berkelakuan baik dan bukan seorang bankrap;
- vi. Setiap ahli lembaga pengarah/pemegang saham syarikat berumur tidak kurang dari 21 tahun pada masa permohonan diterima;
- vii. Majoriti saham dalam syarikat dipegang oleh warganegara Malaysia;

DOKUMEN PERMOHONAN

- i. Borang 1 (3 salinan asal);
- ii. Borang Maklumat Syarikat;
- iii. Salinan Memorandum & Articles of Association;
- iv. Borang 24 (maklumat modal berbayar dan maklumat pegangan modal setiap pengarah/pemegang saham);
- v. Borang 49 (maklumat pengarah, pengurus dan setiausaha terkini);
- vi. Salinan Borang BE atau EA atau surat pengesahan pendapatan tidak cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
- vii. Surat pengesahan Jabatan Insolvency (Bahagian Kebankrapan) – kenyataan bukan bankrap;
- viii. Surat pengesahan kelakuan baik setiap lembaga pengarah;
- ix. Surat asal persetujuan menjadi penjamin secara berasingan oleh dua (2) penjamin bon;
- x. Kertas kerja penubuhan agensi; dan
- xi. Penyata bank terkini.

2. PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN (Seksyen 11)

Permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dikemukakan ke Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat sekurang-kurangnya **dua (2) bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen**. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:-

- ◆ Borang membaharui lesen (Borang 2) yang lengkap diisi beserta bayaran fee lesen berjumlah RM25.00 atas nama Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. (Bayaran hendaklah dalam bentuk wang pos, bank deraf dan kiriman wang. Bayaran dengan cek/tunai tidak diterima.)
- ◆ Satu salinan lesen terkini agensi.
- ◆ Laporan Tahunan Syarikat yang terkini yang telah diaudit.
- ◆ Salinan borang 49 yang disahkan oleh Pejabat Pendaftar Syarikat.
- ◆ Salinan borang 24 yang terkini yang disahkan oleh Pejabat Pendaftar Syarikat sekiranya ada perubahan pemilikan saham syarikat.
- ◆ Salinan Perjanjian Sewaan (*Tenancy Agreement*) atas nama agensi pekerjaan atau salinan bukti pemilikan premis yang telah disahkan.
- ◆ Penyata Pendaftaran dan Penempatan bagi tempoh setahun terakhir.